

## PERSEPSI IBU BAPA TERHADAP PUSAT PENJAGAAN KANAK-KANAK YANG BERKUALITI

**WAN AZREENA WAN JAAFAR  
SUZANA MOHD. HOESNI  
ARENA CHE KASIM  
NORULHUDA SARNON**

### **ABSTRACT**

*This article is based on the results of an exploratory study which is aimed to identify (a) the criteria assumed by parents as important in determining quality child-care centres (physical, education, social and administration aspects) and (b) factors related to child-care centres: : (i) reasons for sending their children to the chosen child-care centre, (ii) factors that encouraged parents in choosing the chosen child-care centre and ways of handling child-care, (iii) how parents gain information on the chosen child-care centre and (iv) level of parents' satisfaction towards the chosen child-care centre. A number of 236 respondents which consisted of either parent who sent their children to 18 child-care centres chosen randomly in Klang Valley have filled out the distributed questionnaires. The data was analyzed using descriptive statistics with the help of Statistical Package for Social Sciences version 18 (SPSS 18) program. Descriptive results showed that education which is related to moral and religious teachings was the main aspects chosen by parents as criteria of quality child-care centres. However, simultaneously, parents reported that the main reason for sending their children to child-care was because there were no babysitters at home instead of seeking formal education. The factor which encouraged parents to enrol their children at any particular child-care was due to convenience since child care centre was near to respondents' home or workplace. Parents also reported high satisfaction towards their children's child-care centres. In addition, findings also indicated that parents prioritized moral and religious teachings despite their children's early age of 1-3 years old. Overall, the awareness of education as a whole which leads to children's development in a holistic way is yet to be achieved.*

### **PENGENALAN**

Pasangan dwikerjaya menjadi satu kelaziman kini dan telah menggalakkan pertumbuhan pusat-pusat penjagaan kanak-kanak atau juga dikenali sebagai taman asuhan kanak-kanak (TASKA). Bilangan pusat-pusat penjagaan kanak-kanak yang meningkat secara mendadak terutamanya di bandar-bandar menyebabkan pemantauan ke atas pusat-pusat tersebut sukar dilakukan. Menurut laporan Jabatan Kebajikan Masyarakat sehingga Oktober, 2010, jumlah TASKA berdaftar yang dikenal pasti di Malaysia

hanyalah 432 buah berbanding 2077 buah TASKA yang tidak berdaftar. Malahan, sehingga Jun 2010, pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat melaporkan untuk mendakwa 10 pemilik TASKA ke mahkamah kerana kecuaiannya menjaga kanak-kanak hingga menyebabkan kecederaan dan kematian (Laporan Bulanan Bahagian Perundangan dan Advokasi Jabatan Kebajikan Masyarakat, 2010). Laporan-laporan tersebut menunjukkan kualiti sesebuah pusat penjagaan boleh dipersoalkan. Keadaan ini memberi kesan secara langsung terhadap perkembangan kanak-kanak kerana terdapat kemungkinan pusat-pusat jagaan ini beroperasi hanya untuk tujuan mengaut keuntungan tanpa memberikan perhatian kepada keperluan perkembangan holistik kanak-kanak (Brennan, 1998; Harris, 2008). Menurut Santrock (2009), perkembangan holistik merangkumi perkembangan fizikal, kognitif dan sosioemosi yang merupakan komponen-komponen utama dalam perkembangan manusia.

Secara umumnya dalam konteks negara Malaysia, kebajikan kanak-kanak dipentingkan terutamanya dengan penubuhan Pasukan Perlindungan Kanak-kanak dan Pusat Aktiviti Kanak-kanak di setiap negeri dan daerah. Pasukan ini bertanggungjawab untuk mengendalikan pusat jagaan, kursus pengasuhan dan perkembangan kanak-kanak dan lain-lain aktiviti yang membantu usaha mencegah penganiayaan dan pengabaian kanak-kanak. Akta TASKA 1984 (pindaan 1997) menetapkan syarat-syarat antaranya pengasuh ialah mereka yang berusia 18 tahun ke atas, mengikuti Kursus Asas Asuhan Kanak-kanak yang diiktiraf oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat dan mempunyai pengalaman yang cukup dalam penjagaan kanak-kanak. Nisbah di antara pengasuh dan kanak-kanak pula ialah 1:5 bagi kanak-kanak yang berumur di bawah 3 tahun, nisbah 1:10 untuk kanak-kanak di antara umur 3-4 tahun dan nisbah 1:4 untuk kanak-kanak tidak berupaya yang di bawah umur 4 tahun (laman web Jabatan Kebajikan Malaysia, 2009). Peraturan dasar ini selari dengan saranan dapatan kajian yang mengkaji perkaitan antara pusat penjagaan kanak-kanak yang berkualiti dengan perkembangan kanak-kanak (contoh: Francis & Self 1982; Burchinal et al.; Bryant, 2000; Vandell & Wolfe, 2000; Wise, 2003).

Terdapat banyak kajian lepas yang telah meneroka pusat penjagaan kanak-kanak yang berkualiti. Faktor kualiti merupakan perkara asas yang penting bagi pusat penjagaan kanak-kanak kerana ia menyediakan satu tempat yang asas bagi menggalakkan perkembangan kanak-kanak ke tahap yang optimum (Santrock, 2009). Banyak kajian lepas mendapati pusat penjagaan yang berkualiti dapat meningkatkan keupayaan kognitif dan tingkah laku (Vandell et al., 2010), perkembangan sosial dan kognitif kanak-kanak (Peisner-Feinberg, 2001), perbendaharaan kata (Belsky et al., 2007) dan personaliti (Bennett, 2002). Selain itu, dapatan kajian terkini (Vandell et al., 2010) juga menunjukkan pusat penjagaan yang berkualiti memberi kesan terhadap aspek-aspek perkembangan bukan sahaja di peringkat kanak-kanak, tetapi peringkat lain yang lebih panjang. Walaupun dapatan kajian menunjukkan pusat penjagaan kanak-kanak yang berkualiti penting untuk perkembangan kanak-kanak, Jacobson dan Barrat (2002) mendapati hanya

10 hingga 12 peratus sahaja program penjagaan untuk kanak-kanak berumur 6, 15, dan 24 bulan mencapai tahap piawai yang ditetapkan.

Selain dari kepentingan kewujudan pusat penjagaan kanak-kanak yang berkualiti, pemilihan pusat penjagaan yang dilakukan oleh ibu bapa juga dianggap penting bagi menentukan kanak-kanak mendapat persekitaran yang sesuai bagi perkembangan kognitif, sosial dan psikologikal yang optimum (Santrock, 2009). Antara kriteria yang membantu ibubapa memilih pusat penjagaan kanak-kanak adalah pusat penjagaan yang mempunyai kurikulum berkualiti termasuk aspek pendidikan (Leong, 1997; Rozilawati, 2003), penyediaan makanan kepada kanak-kanak (Boeckner 1993), konteks sosial, pemahaman serta kepercayaan ibu bapa tersebut (Leong, 1997; Noble, 2007; Rozilawati, 2003), praktikaliti termasuk kemampuan kewangan dan lokasi (Leong, 1997; Noble, 2007; Rozilawati, 2003), dan pusat penjagaan yang beroperasi dengan penuh kemesraan, berpengetahuan tentang perkembangan kanak-kanak, menjaga anak-anak mereka seperti keluarga sendiri serta boleh dipercayai (Rozilawati, 2003; Zimmerman et al., 2001). Selain itu, aspek keselamatan juga didapati penting dalam pemilihan pusat penjagaan kanak-kanak yang dipilih oleh ibu bapa (Leong, 1997). Menurut Norasiah (1998), pusat penjagaan perlu mengikut kriteria yang ditetapkan termasuk aspek keselamatan kanak-kanak seperti jauh dari jalan utama. Kajian yang dijalankan oleh Tallman (2000) mendapati sekurang-kurangnya 2/3 daripada 220 pusat jagaan berlesen mengabaikan aspek keselamatan. Antara perkara yang telah diabaikan termasuklah tempat tidur kanak-kanak, skrin tingkap, permukaan taman permainan (*playground*) serta barang-barang lain yang dimiliki oleh pusat penjagaan tersebut tidak selamat untuk digunakan.

Kajian oleh Noble (2007) di Australia mendapati terlalu sedikit yang diketahui tentang pemahaman ibu bapa terhadap pusat penjagaan yang berkualiti dan bagaimanakah mereka memilih sesebuah pusat penjagaan. Maklumat yang sama juga diperlukan dalam konteks Malaysia, antara lain memandangkan kanak-kanak pernah menjadi mangsa akibat kecuaihan pihak pusat penjagaan. Apakah yang mendorong ibu bapa memilih pusat penjagaan tersebut? Dengan itu, kriteria-kriteria pemilihan pusat penjagaan kanak-kanak oleh ibu bapa penting supaya ibu bapa boleh menumpukan perhatian kepada pekerjaan mereka dan bekerja dengan hati yang gembira (Jacobson & Barratt, 2002).

Memandangkan kepentingan kewujudan pusat penjagaan kanak-kanak oleh ibu bapa serta pemilihan pusat penjagaan kanak-kanak yang dijalankan oleh ibubapa adalah kritikal (Noble, 2007), satu kajian perlu dijalankan. Kajian awal yang bersifat penerokaan ini dijalankan bertujuan untuk mengenalpasti kriteria daripada aspek fizikal, pendidikan, sosial dan pentadbiran yang dipentingkan oleh ibu bapa dalam memilih pusat penjagaan yang berkualiti. Selain itu, kajian ini bertujuan untuk mengetahui: (i) alasan-alasan penghantaran anak ke pusat penjagaan yang dipilih, (ii) faktor-faktor yang mendorong ibu bapa memilih pusat penjagaan tersebut dan cara-cara penjagaan yang menjadi pilihan ibu bapa, (iii) bagaimanakah

ibu bapa mendapatkan maklumat tentang pusat penjagaan yang dipilih dan (iv) tahap kepuasan ibu bapa terhadap pusat penjagaan yang dipilih.

### METOD KAJIAN

Seramai 239 responden yang terdiri dari ibu atau bapa kanak-kanak dari 18 pusat penjagaan telah mengisi borang soal selidik mengenai persepsi ibu bapa terhadap pusat penjagaan kanak-kanak. Pusat-pusat penjagaan telah dipilih secara rawak berkumpulan di zon-zon sekitar Lembah Kelang dengan berpandukan senarai yang didapati daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat. Pusat penjagaan terpilih mempunyai ciri-ciri yang hampir sama contohnya dari segi keluasan fizikal (hampir kesemuanya terletak di kawasan perumahan), kemudahan dan peralatan yang sederhana dari segi kualiti dan kuantitinya dan juga yuran penjagaan yang lebih kurang sama iaitu antara RM300-350 sebulan.

Soal-selidik yang digunakan dalam kajian ini diadaptasi dari soal selidik yang dibentuk oleh Leong (1997) bagi responden Singapura yang juga berpandukan kepada soal-selidik dari kajian-kajian Abbott-Shim dan Sibley (1987) dan Bryant, Clifford dan Peisner (1989) (dalam Leong, 1997). Bahagian pertama soal selidik terdiri dari maklumat tentang ibu bapa seperti umur, tahap pendidikan, pekerjaan dan pendapatan. Bahagian kedua adalah soalan-soalan yang menggunakan skala Likert lima poin tentang persepsi ibu bapa terhadap pusat penjagaan kanak-kanak yang berkualiti. Aspek-aspek pusat penjagaan yang diutarakan adalah a) aspek fizikal seperti kebersihan, keselamatan, aktiviti dan bahan yang meningkatkan keupayaan motor kasar dan halus; b) aspek pendidikan seperti aktiviti dan bahan yang membantu pemikiran kreatif, pembelajaran fakta dan bahasa; c) aspek sosial seperti kemahiran interaksi dan disiplin dan d) aspek pentadbiran seperti interaksi penjaga-ibu bapa, nisbah penjaga-kanak-kanak yang kecil, penjaga yang mengambil berat. Bahagian ketiga soal selidik terdiri daripada lima soalan berstruktur berkaitan pusat penjagaan yang menjadi pilihan ibu bapa. Jawapan-jawapan responden dianalisa menggunakan statistik deskriptif melalui penggunaan program *Statistical Package For Social Sciences versi 18* (SPSS 18).

### KEPUTUSAN

Keputusan yang dibentangkan adalah mengikut tujuan kajian utama iaitu untuk mengenalpasti kriteria yang dipilih oleh ibu bapa dalam menentukan pusat penjagaan berkualiti.

#### A. Kriteria pemilihan ibu bapa terhadap pusat penjagaan berkualiti.

Bahagian ini mempersembahkan Jadual 1 hingga Jadual 4 bagi menunjukkan item-item yang menjadi pilihan ibu bapa dalam menentukan

ciri-ciri pusat penjagaan berkualiti. Item-item tersebut dikategorikan sebagai aspek fizikal, pendidikan, sosial dan pentadbiran. Responden telah menandakan lebih daripada satu pilihan jawapan.

Jadual 1.0 menunjukkan 206 daripada 239 responden memilih penjagaan personal dan kebersihan kanak-kanak merupakan ciri penting pusat penjagaan berkualiti iaitu sebanyak 86.2%. Aspek-aspek keselamatan juga antara kriteria penting yang dipilih oleh ibu bapa.

Jadual 1.0: Kekerapan dan peratusan item-item aspek Fizikal pusat penjagaan yang menjadi pilihan ibu bapa

Item	Sangat penting (n/239)*100
Jagaan personal/kebersihan	206 (86.2%)
Untuk keupayaan motor halus	97 (40.6%)
Aspek keselamatan	188 (78.7%)
Untuk keupayaan motor kasar	79 (33.1%)
Perabot yang sesuai	100 (41.8%)

Dari Jadual 2.0, seramai 189 responden menganggap pusat penjagaan berkualiti ialah pusat penjagaan yang mempunyai aktiviti yang berkaitan pengajaran moral dan agama di samping pembelajaran bahasa dan fakta.

Jadual 2.0: Kekerapan dan peratusan item-item aspek pendidikan pusat penjagaan yang menjadi pilihan ibu bapa

Item	Sangat penting (n/239)*100
Pemikiran kreatif	131 (54.8%)
Pembelajaran fakta	140 (58.6%)
Pembelajaran bahasa	147 (61.5%)
Aktiviti muzikal	38 (15.9%)
Belajar melalui bermain	75 (31.4%)
Pembelajaran bahasa kedua	106 (44.4%)
Pembelajaran moral dan agama	189 (79.1%)

Jadual 3.0 menunjukkan 75.7% daripada ibu bapa memilih pusat penjagaan yang membimbing perkembangan disiplin kanak-kanak sebagai kriteria pusat penjagaan berkualiti.

Jadual 3.0: Kekekapan dan peratusan item-item aspek sosial pusat penjagaan yang menjadi pilihan ibu bapa

Item	Sangat penting (n/239)*100
Perkembangan sosial	178 (74.5%)
Disiplin	181 (75.7%)
Berdikari	123 (51.5%)

Jadual 4.0 menunjukkan 71.1% daripada responden memilih item guru yang mengambil berat terhadap kanak-kanak sebagai kriteria terpenting dalam aspek pentadbiran.

Jadual 4.0: Kekekapan dan peratusan item-item aspek pentadbiran pusat penjagaan yang menjadi pilihan ibu bapa

Item	Sangat penting (n/239)*100
Interaksi penjaga-ibu bapa	109 (45.6%)
Nisbah penjaga-kanak-kanak kecil	102 (42.7%)
Guru yang mengambil berat	170 (71.1%)
Kelayakan guru	120 (50.2%)

Jadual 5.0 menunjukkan aspek pendidikan mempunyai min yang tertinggi iaitu 11.67 (n=239) diikuti dengan aspek fizikal (min=7.82), aspek pentadbiran (min=6.27) dan aspek sosial (min=4.27).

Jadual 5.0: Keputusan deskriptif aspek-aspek pusat penjagaan yang menjadi pilihan ibu bapa

Aspek penjagaan	pusat N=239	Min	Median	S.P.
Fizikal		7.82	7.00	2.49
Pendidikan		11.67	11.00	3.61
Sosial		4.27	4.00	1.53
Pentadbiran		6.27	6.00	2.00

Walau bagaimanapun, sekiranya pemilihan item-item tersebut dilihat secara berasingan tanpa mengira aspek-aspek tertentu, keputusan berikut diperolehi. Lima item utama yang menjadi pemilihan ibu bapa ialah pertama, jagaan personal/kebersihan (86.2%); kedua, pembelajaran moral dan agama (79.1%); ketiga, disiplin (75.7%); keempat, perkembangan sosial (74.5%) dan kelima, item guru yang mengambil berat (71.1%).

### **B. Alasan-alasan penghantaran anak ke pusat penjagaan**

Seramai 136 daripada 239 responden (56.9%) memilih alasan ketiadaan orang untuk menjaga anak di rumah sebagai pilihan pertama mereka menghantar anak atau anak-anak ke pusat penjagaan yang dipilih. Seramai 71 responden (29.7%) memilih alasan untuk mendapatkan pendidikan formal untuk anak-anak sebagai pilihan pertama. Manakala 50 responden (20.9%) memilih alasan untuk perkembangan sosial kanak-kanak sebagai pilihan pertama, dan hanya 9 responden (3.8%) memilih untuk meringankan beban penjaga di rumah sebagai pilihan pertama dalam menjawab persoalan mengenai alasan penghantaran anak ke pusat penjagaan.

### **C. Faktor-faktor pemilihan pusat jagaan dan cara-cara penjagaan**

Seramai 123 daripada 239 responden (51.5%) memilih lokasi pusat penjagaan yang berdekatan dengan rumah atau pejabat sebagai faktor terpenting mereka menghantar anak-anak ke pusat jagaan tersebut. Faktor aktiviti dan program pembelajaran yang baik telah dipilih oleh 67 responden (28%) sebagai faktor terpenting dalam pemilihan pusat jagaan. Manakala 53 responden (22.2%) memilih masa penjagaan yang sesuai dengan keperluan ibu bapa sebagai faktor terpenting, 47 responden (19.7%) memilih reputasi para pekerja yang baik, 45 responden (18.8%) memilih faktor kos, 42 responden (17.6%) memilih kemudahan penjagaan yang baik, dan hanya 20 responden (8.4%) memilih kemudahan permainan yang baik untuk kanak-kanak sebagai faktor terpenting dalam pemilihan pusat penjagaan.

Bagi pilihan cara-cara penjagaan, seramai 172 responden (72%) memilih pusat penjagaan di mana mereka menghantar anak sebagai pilihan pertama. Penjagaan oleh saudara-mara menjadi pilihan utama 46 responden (19.2%), manakala penjagaan oleh pembantu rumah menjadi pilihan utama 14 responden (5.9%). Hanya 6 responden yang memilih menghantar anak ke rumah orang sebagai pilihan utama.

### **D. Cara mengetahui tentang pusat penjagaan yang dipilih**

Kebanyakan ibu bapa iaitu seramai 64% mengetahui tentang pusat penjagaan sebelum mendaftarkan anak-anak mereka melalui perbualan dengan pengetua/guru/penyelaras pusat penjagaan ( $n=153$ ) dan 63.6% melalui perbualan dengan ibu bapa lain ( $n=152$ ). Hanya 28.9% daripada responden ( $n=69$ ) yang memperolehi maklumat bertulis tentang pusat penjagaan, 10.9% ( $n=26$ ) daripada responden menghadiri sesi percubaan yang diadakan oleh pusat penjagaan manakala 2.9% ( $n=7$ ) merasakan tidak perlu untuk mengetahui lebih lanjut tentang pusat penjagaan.

### **E. Kepuasan terhadap pemilihan pusat penjagaan secara keseluruhan**

Seramai 59 responden (24.7%) merasa sangat puas hati terhadap pemilihan pusat penjagaan manakala kebanyakan ibu bapa iaitu seramai 155 responden (64.9%) merasa puas hati terhadap pusat penjagaan. Seramai 24 responden (10%) merasa sederhana puas hati dan hanya seorang responden merasa sangat tidak puas hati terhadap pusat penjagaan yang dipilih.

## **PERBINCANGAN**

Bahagian ini akan mengutarakan perbincangan daripada lima aspek kriteria pemilihan ibu bapa terhadap pusat penjagaan berkualiti, alasan-alasan penghantaran anak ke pusat penjagaan, faktor-faktor pemilihan pusat jagaan dan cara-cara penjagaan, cara mengetahui tentang pusat penjagaan yang dipilih dan kepuasan terhadap pemilihan pusat penjagaan secara keseluruhan.

Keputusan mengenai aspek fizikal menunjukkan ibu bapa menganggap pusat penjagaan berkualiti harus menitikberatkan jagaan personal serta kebersihan kanak-kanak termasuklah penyediaan makanan yang berkhasiat dan kemudahan tandas yang baik. Aspek-aspek keselamatan seperti peti pertolongan cemas serta pengawalan pusat penjagaan dari dicerobohi orang luar juga dipentingkan. Keputusan ini menyokong dapatan kajian Boeckner (1993), Leong (1997), Rozilawati (2003) serta selari dengan saranan Norasiah (1998) bahawa aspek keselamatan harus dititikberatkan dalam menyediakan kemudahan pendidikan untuk kanak-kanak.

Aspek pendidikan menjadi pilihan ibu bapa dalam menentukan pusat penjagaan yang berkualiti. Dapatan ini disokong oleh kajian Rozilawati (2003) dan juga kajian-kajian oleh Seng (1993) dan Leong (1997) yang dilakukan di Singapura. Walau bagaimanapun, terdapat penambahan item pengajaran moral dan agama dalam kajian ini. Menurut Wise dan Sanson (2000), konteks budaya setempat perlu diambil kira dalam kajian penjagaan kanak-kanak. Rakyat Malaysia secara umumnya masih berpegang kepada agama dan mengamalkan tatasusila budaya. Anggapan ini disahkan oleh keputusan kajian yang mana 189 responden iaitu 79 peratus daripada ibu bapa menganggap pusat penjagaan yang berkualiti harus menitikberatkan aktiviti yang berkaitan dengan pengajaran moral dan agama. Malahan item ini menjadi pilihan paling utama dalam aspek pendidikan berbanding dengan item-item yang lain. Keputusan ini menyokong kajian Noble (2007) yang mendapati ibu bapa dipengaruhi oleh konteks sosial dan kepercayaan mereka.

Manusia berpotensi berkembang secara positif melalui interaksi dengan orang lain dan bahasa merupakan alat utama proses berkomunikasi. Kajian Burchinal et al., (2000) dan Belsky et al., (2007) menunjukkan perkaitan di antara pusat penjagaan berkualiti dengan kemajuan



perbendaharaan kata dan perkembangan bahasa kanak-kanak. Responden kajian ini memilih aktiviti dan bahan yang membantu kanak-kanak mempelajari bahasa sebagai kedua terpenting. Ini berkemungkinan tanggapan ibubapa yang merasakan umur anak mereka terlalu awal (1-3 tahun) untuk mempelajari bahasa. Dengan itu, pembelajaran bahasa kedua tidak begitu dipentingkan oleh ibu bapa. Hanya 44.4% daripada responden memilih pembelajaran bahasa kedua sebagai sangat penting dalam menentukan pusat penjagaan berkualiti. Ibu bapa berkemungkinan mempunyai kurang kesedaran tentang keupayaan anak mereka untuk menguasai lebih daripada satu bahasa. Kajian-kajian yang dilakukan contohnya oleh Oller (1999) (dalam Santrock 2009) mendapati bilingualisme tidak mengganggu pencapaian mana-mana bahasa yang dipelajari. Malahan, banyak dapatan kajian menunjukkan bilingualisme mempunyai kesan yang positif terhadap perkembangan kognitif. (Santrock, 2009; Wise, 2007) seperti pembelajaran bahasa kedua contohnya bahasa Arab oleh orang-orang Islam dijangka boleh membantu memahami kitab al-Quran dengan lebih baik.

Kajian jangka panjang oleh Peisner-Feinberg (2001) dan Vandell et al., (2010) mendapati terdapat hubungan di antara pengaruh pusat penjagaan kanak-kanak berkualiti dan perkembangan kognitif. Oleh itu, dijangkakan aktiviti dan bahan yang membantu kanak-kanak berfikir secara kreatif menjadi antara pilihan utama ibu bapa dalam menentukan pusat penjagaan berkualiti. Walau bagaimanapun, aktiviti muzikal dan aktiviti belajar melalui bermain tidak dianggap sebagai sangat penting. Dapatan ini menyokong kajian yang dilakukan oleh Leong (1997) dan Rozilawati (2003). Sebaliknya, dapatan kajian Sylva et al. (1980) menunjukkan aktiviti muzikal boleh menggalakkan perkembangan kognitif kanak-kanak. Ramai ibu bapa juga menganggap aktiviti dan bahan yang membantu kanak-kanak mempelajari fakta (contoh: mempelajari tentang bentuk, matematik dan lain-lain) sangat penting diajar oleh pihak pusat penjagaan. Akan tetapi, pengajaran ini dilihat oleh ibu bapa sebagai berbentuk tradisional dan formal kerana tidak ramai ibu bapa memilih aktiviti belajar melalui bermain sebagai kriteria penting pusat penjagaan berkualiti. Hakikatnya, bermain sangat berfaedah untuk kanak-kanak di antara lain ia meningkatkan interaksi dengan rakan sebaya, mengurangkan tekanan dan meningkatkan perkembangan kognitif (Santrock, 2009). Dalam kata lain, potensi kognitif kanak-kanak boleh ditingkatkan melalui aktiviti yang menyeronokkan seperti bermain.

Keputusan kajian menunjukkan aspek sosial merupakan antara kriteria yang penting dalam menentukan pusat penjagaan berkualiti. Malahan terdapat item-item tertentu iaitu membimbing perkembangan disiplin dan perkembangan sosial kanak-kanak yang dipilih sebagai lebih penting daripada aspek-aspek tertentu pendidikan seperti pembelajaran bahasa dan pembelajaran mengenai fakta. Dapatan ini selari dengan hasil kajian Wise (2007), Noble (2007) dan Rozilawati (2003). Walau bagaimanapun, sekiranya keputusan ini dilihat secara berasingan tanpa

mengambil kira aspek pendidikan secara keseluruhan (terutamanya pengajaran mengenai moral dan agama), dapatan ini sedikit berbeza dari hasil kajian Seng (1993) di mana ibu bapa lebih mementingkan perkara-perkara yang berkaitan dengan kemahiran kognitif berbanding sosial. Walau bagaimanapun, perkara ini mungkin berkaitan dengan umur kanak-kanak terbabit di mana responden dalam kajian Seng mempunyai anak-anak yang berada di ambang persekolahan.

Daripada kesemua aspek pentadbiran yang diutarakan, kebanyakan responden memilih faktor penjaga atau guru yang mengambil berat (contohnya memberi sokongan dan sabar dengan kanak-kanak) sebagai sangat penting dalam menentukan pusat penjagaan berkualiti. Hasil kajian menyokong dapatan kajian Vandell dan Wolfe (2000). Walau bagaimanapun, kelayakan penjaga atau guru tidak dianggap sebegitu penting. Keputusan kajian ini menyokong dapatan Harris (2008), Bredekamp dan Willer (1993) yang mana ibu bapa menganggap perhubungan yang mesra di antara penjaga-kanak-kanak lebih penting daripada kelayakan penjaga. Tugas mengasuh/menjaga kanak-kanak bukanlah jenis tugas yang boleh dilakukan oleh semua orang kerana ia memerlukan individu yang penyayang dan mempunyai nilai-nilai kemanusiaan yang tinggi. Zimmerman dan rakan-rakan (2001) pula menyatakan faktor penjaga seperti mesra, berpengetahuan tentang kanak-kanak, boleh dipercayai serta menjaga anak-anak seperti keluarga boleh mengurangkan rasa bersalah apabila ibu keluar bekerja. Keputusan kajian juga menunjukkan nisbah penjaga-kanak-kanak yang kecil tidak dianggap sebagai faktor yang sangat penting dalam menentukan pusat penjagaan berkualiti sedangkan dapatan kajian Jacobson dan Barratt (2002) serta Vandell dan Wolfe (2000) menunjukkan nisbah yang kecil dan kelayakan penjaga merupakan di antara faktor penting yang menyumbang kepada pusat penjagaan kanak-kanak yang berkualiti. Dapatan kajian ini menunjukkan ciri-ciri kemanusiaan yang dimiliki penjaga lebih dipentingkan ibu bapa sebagai penentu pusat penjagaan berkualiti.

Keputusan kajian mendapati alasan yang paling utama diberikan oleh ibu bapa apabila menghantar kanak-kanak ke pusat penjagaan ialah ketiadaan penjaga di rumah dan bukannya untuk mendapatkan pendidikan formal dan perkembangan sosial. Dapatan ini berbeza dari hasil kajian Seng (1994), Sharpe (1996), Leong (1997) berserta kajian-kajian lain yang menekankan kepentingan pendidikan di peringkat awal kanak-kanak (lihat: Bennet 2002; Jacobson & Barratt (2002). Walau bagaimanapun, kajian Noble (2007) mendapati alasan dan pemilihan pusat penjagaan oleh ibu bapa adalah kompleks dan pragmatik.

Faktor paling utama mengapa responden menghantar anak-anak ke pusat penjagaan tersebut adalah kerana ia berdekatan dengan rumah atau pejabat. Ini menunjukkan faktor keselesaan atau kesenangan (*convenience*) merupakan perkara yang paling diutamakan oleh ibu bapa dan bukannya faktor-faktor yang secara langsung berkorelasi dengan perkembangan manusia seperti kualiti program yang disediakan ataupun faktor penjaga.

Dapatan yang sama juga diperolehi antaranya oleh Noble (2007); Barracough dan Smith (1996) dan Leong (1997). Pemilihan ibu bapa terhadap pusat penjagaan tertentu tidak semestinya kerana anggapan pusat tersebut berkualiti, ini adalah kerana faktor praktikal sering diutamakan seperti lokasi yang berdekatan, faktor kewangan dan masa operasi (Noble, 2007; Barracough dan Smith, 1996). Perkara ini juga berkaitan dengan keputusan pemilihan cara-cara penjagaan oleh ibu bapa yang mana 72% daripada responden memilih pusat penjagaan di mana anak-anak mereka dihantar sebagai pilihan utama cara penjagaan dan bukannya dijaga oleh saudara mara ataupun memilih pusat jagaan lain.

Kebanyakan ibu bapa dalam kajian ini memperoleh maklumat tentang pusat penjagaan melalui perbualan dengan pengetua/penyelaras atau pun dengan guru/penjaga dan juga perbualan dengan ibu bapa lain. Keputusan ini selari dengan keputusan kajian Barracough dan Smith (1996) yang mendapati ibu bapa di New Zealand bergantung kepada maklumat yang diberikan oleh rakan-rakan dan jiran-jiran. Tallman (2001) menyarankan ibu bapa mendapatkan maklumat dan cadangan dari orang sekeliling tentang pusat penjagaan supaya dapat mengelak penghantaran ke pusat penjagaan yang berisiko tinggi yang mengabaikan aspek-aspek keselamatan. Walau bagaimanapun, maklumat dari orang sekeliling bukanlah satu-satunya cara mengetahui tentang pusat jagaan kerana ramai ibu bapa yang mengambil kesempatan untuk berbual dengan mereka yang menguruskan pusat tersebut. Keputusan yang sama juga diperolehi oleh Leong (1997). Para pengkaji mencadangkan ibu bapa perlu memeriksa terlebih dahulu sesebuah pusat jagaan dan membandingkannya dengan pusat-pusat lain sebelum membuat pilihan (Tallman, 2000).

Secara keseluruhannya, tahap kepuasan ibubapa terhadap pusat jagaan adalah agak tinggi walaupun terdapat seramai 24 responden yang merasa sederhana puas hati dan seorang responden memilih sangat tidak puas hati (tiada yang memilih tidak puas hati). Dapatan ini menyokong keputusan kajian-kajian lain di antaranya oleh Barracough dan Smith (1996) dan Rozilawati (2003). Walau bagaimanapun, ibu bapa didapati seringkali bersikap positif terhadap pusat penjagaan anak-anak mereka dan hanya ibu bapa yang menghantar anak-anak ke pusat penjagaan yang berkualiti tinggi sahaja yang sering mempunyai pandangan yang kritikal terhadap perkhidmatan yang diberikan oleh pusat penjagaan (Barracough & Smith, 1996). Perbezaan pandangan ibu bapa yang menghantar anak-anak di pusat penjagaan yang berbeza kualiti tidak dapat dikaji kerana kajian ini menumpukan kepada pusat-pusat penjagaan yang mempunyai kualiti yang hampir sama. Salah satu perkara yang mungkin menyebabkan responden bersikap positif terhadap pusat penjagaan ialah mereka tentunya merasa sukar untuk meninggalkan anak-anak di persekitaran yang tidak memuaskan hati mereka, apalagi dengan keluar bekerja boleh menimbulkan perasaan bersalah di dalam diri mereka (Zimmerman et al., 2001). Adalah berkemungkinan ibu bapa cuba bersikap positif terhadap pusat penjagaan selagi ia mencapai standard yang boleh diterima.

## KESIMPULAN

Kajian ini menunjukkan ibu bapa mementingkan pendidikan terutamanya daripada aspek pembelajaran moral dan agama dalam menentukan pusat penjagaan berkualiti. Pembelajaran bahasa juga merupakan antara perkara yang dipentingkan ibu bapa, tetapi tidak ramai yang menganggap pembelajaran bahasa kedua sebagai sesuatu yang sangat penting. Selain itu, aspek penjagaan personal dan kebersihan kanak-kanak juga merupakan aspek yang sangat penting dalam menentukan kualiti pusat penjagaan. Walaubagaimanapun, alasan utama responden menghantar anak ke pusat penjagaan bukanlah atas dasar kualiti tetapi kerana ketiadaan penjaga di rumah yang ditambah pula faktor lokasi yang berdekatan dengan rumah atau tempat kerja. Umumnya, ibu bapa berpuas hati dengan pusat penjagaan pilihan mereka yang mungkin juga didorong oleh rasa bersalah meninggalkan anak-anak untuk pergi bekerja. Secara keseluruhan, kesedaran responden mengenai pendidikan yang menuju ke arah perkembangan kanak-kanak secara holistik masih belum tercapai. Implikasi yang timbul dari kajian ini mencadangkan kesedaran perlu diberikan kepada ibu bapa untuk memilih pusat penjagaan yang berkualiti bagi menjamin perkembangan fizikal, kognitif dan sosioemosi kanak-kanak yang optimum.

## RUJUKAN

- Barraclough, S. J. dan Smith, A. B. (1996). Do parents choose quality child care in New Zealand? *International Journal of Early Years Education*, 4 (1), 5-26.
- Belsky, J., Vandell, D.L., Burchinal, M, Clarke-Stewart, K.A., McCartney, K., Owen, M.T., & NICHD Early Child Care Research Network. (2007). Are there long-term effects of early child care? *Child Development*, 78 (2), 681-701.
- Bennett, J. (2002). Early Childhood intervention: An overview of practice North and South. [http://www.unesco.org/education/pdf/21\\_32.pdf](http://www.unesco.org/education/pdf/21_32.pdf). 29/08/2010.
- Boeckner, L. (1993). Training for quality child care. *Journal of Extension*, 31(2) . <http://www.joe.org/joe/1993summer/a4.html>. 04/09/2010.
- Bredekamp, S. dan Willer, B. (1993). Professionalising the field of early childhood education: Pros and cons. *Young Children*, 48 (3), 82-84.
- Burchinal, M.R., Roberts, J.E., Riggins, R., Zeisel, S.A., Neebe, E., & Bryant, D. (2000). Relating quality of centre-based child care to early cognitive and language development longitudinally. *Child Development*, 71 (2), 339-357.
- Francis, P. & Self, P. (1982). Imitative responsiveness of young children in day care and home settings: the importance of the child to caregiver ratio. *Child Study Journal*, 12, 119-126.

- Harris, N. (2008). Women's reflections on choosing quality day care in a regional community. *Australian Journal of Early Childhood*, 33 (3), 42-49
- Jacobson, S. dan Barratt, M. (2002). Overview: Child Care and Education. *Briefing Report Michigan Family Impact Seminars*. <http://www.icyf.msu.edu/publicats/briefng1/briefng1.pdf>. 06/09/2010.
- Laporan Bulanan Bahagian Perundangan dan Advokasi Jabatan Kebajikan Masyarakat, 2010
- Laman web rasmi Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia. <http://www.kempadu.gov.my/jkm/mel/inst/taska.htm>. 13/04/2009.
- Leong, J. 1997. *A look at Day Care Quality and Parental Perceptions in Singapore*. Dissertasi yang tidak diterbitkan. University of London.
- Noble, K. (2007). Parent choice of early childhood education and care services. *Australian Journal of Early Childhood*, 32 (2), 51-57.
- Norasiah bt Yahya. (1998). Keselesaian persekitaran kanak-kanak dari perspektif perancang bandar. *Jurnal Kebajikan*, 20 (2).
- Peisner-Feinberg, E.S., Burchinal, M.R., Clifford, R.M., Culkin, M.L., Howes, C., Kagan, S.H., & Yazejian, N. (2001). The relationship of preschool child-care quality to children's cognitive and social development trajectories through second grade. *Child Development*, 72 (5), 1534-1563.
- Rozilawati bt Hassan. (2003). Faktor-faktor pemilihan ibu bapa terhadap pusat penjagaan kanak-kanak yang berkualiti. Latihan Ilmiah. Pusat Pengajian Psikologi dan Pembangunan Manusia UKM.
- Santrock, J. W. (2009). *Life-span Development*. Edisi ke-12. Boston: McGraw Hill.
- Seng, S. H. (1994). *Quality of kindergarten education in Singapore: Parents' views and expectations*. Kertas kerja dibentang di 13<sup>th</sup> Biennial Meetings of ISSBD, Amsterdam, Netherlands.
- Sharpe, P. (1996). Determinants of preschool quality in Singapore: An investigation of the effect on teachers, of parents' involvement. *International Journal of Early Years Education*, 4 (1), 47-63.
- Sylva, K., Painter, C. dan Roy, M. (1980). *Childwatching at playgroup and Nursery School*. London: Grant McIntyre.
- Tallman, C. (2000). Making the right choice: How to find good child day care. Dlm *The Round Up Online News The student Voice of NMSU*. [http://roundup.nmsu.edu/public/10\\*05\\*00/news/news5.html](http://roundup.nmsu.edu/public/10*05*00/news/news5.html). 06/09/2010.
- Vandell, D.L., Belsky, J., Burchinal, M., Steinberg, L., Vandergrift, N., & NICHD Early Child Care Research. (2010). Do effects of early child care extend to age 15 years? Results from the NICHD study of early child-care and youth development. *Child Development*, 81(3), 737-756.

- Vandell, D.L. & Wolfe, B. (2000). Child Care Quality: Does It Matter and Does It Need to be Improved? *Institute for Research on Poverty, University of Wisconsin-Madison* <http://www.aspe.hhs.gov/hsp/ccquality00/ccqual.htm> 25/10/2010.
- Wise, S & Sanson, A. (2000). Child care in cultural context: Issues for new research. *Australian Institute of Family Studies*. <http://www.adobe.com/prodindex/acrobat/readstep.html> 25/10/2010.
- Wise, S. (2003). Family structure, child outcomes and environmental mediators: An overview of the Development in Diverse Families Study. *Australian Institute of Family Studies*. <http://www.aifs.gov.au/institute/pubs/RP30.html> 25/10/2010.
- Wise, S. (2007). Building relationships between parents and carers in early childhood. Australian Family Relationships Clearinghouse. Australian Institute of Family Studies <http://www.aifs.gov.au/afrc/pubs/briefing/b5pdf/b5.pdf> 25/10/2010.
- Zimmerman, T. S., McBride, R.M., & Bowling, S.W. (2001). Strategies for reducing guilt among working mothers. *The Colorado Early Childhood Journal*. 3 (1), 12-17.